

BENGGEL PEMURNIAN PELAN STRATEGIK PERPUSTAKAN 2016-2020



Pekan, 15 Ogos – Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang telah mengadakan Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Perpustakaan 2016-2020 pada 15 dan 16 Ogos 2016 bertempat di Perpustakaan Pekan.

Bengkel ini melibatkan 25 peserta yang terdiri daripada para pegawai perpustakaan termasuk penolong pustakawan dan pembantu perpustakaan kanan.



Menurut Ketua Pustakawan, Haji Ruslan Che Pee Pelan Strategik Perpustakaan 2016-2020 merupakan hala tuju perpustakaan yang mestilah selari dengan Pelan Strategik UMP serta diperkembangkan dengan sasaran kerja tahunan (SKT) staf perpustakaan. Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Perpustakaan ini juga merupakan kesinambungan dari bengkel yang telah diadakan sebelum ini.



Turut dijemput semasa bengkel berkenaan ialah Encik Wan Azlee Hj Wan Abdullah, Timbalan Pengarah Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi berkongsi pengalaman dalam pembentukan Pelan Strategik ICT 2016-2020.

Menurut beliau, Pelan Strategik perlu berteraskan landasan yang betul. Perancangan yang mantap dan teliti harus dibuat bagi memastikan Pelan Strategik yang dirancang berjaya dilaksanakan.



Peserta bengkel dibahagikan kepada 5 kumpulan berdasarkan 5 Lonjakan Strategik bagi memurnikan indikator dan juga inisiatif. Hasil dari bengkel berkenaan telah terhasil 14 KPI yang meliputi semua Lonjakan Strategik UMP.

Semoga dengan terhasilnya KPI dan inisiatif berkenaan dapat memaju perpustakaan ke arah “Menjana Kegemilangan” UMP.



Disediakan Oleh:
Rosfadilla Binti Mohamad Zainun
Unit Pengurusan Kualiti dan Latihan

